

Headline	NGO kena guna fakta tepat perjas isu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	22	ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,771	PR Value	RM 5,314



# NGO kena guna fakta tepat perjas isu

**Muar:** Badan bukan kerajaan (NGO) yang menggunakan perkataan 1Malaysia, perlu lebih bertanggungjawab dalam menangani sebarang masalah yang wujud kerana ia boleh menimbulkan salah faham rakyat.

Pengerusi Biro Institusi Pengajian Tinggi UMNO, Datuk Razali Ibrahim, berkata ada NGO yang tidak mengetengahkan fakta yang betul dalam sesuatu isu sehingga mengundang salah faham seterusnya menjejaskan imej kerajaan.

“Mereka kena jawab kerana rakyat perlukan jawapan,” katanya pada Majlis Gotong-Royong dan Pelancaran Program Siswa4u, dekat Parit Raja, di sini, semalam.

Razali yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, berkata mahasiswa juga perlu memikirkan dengan lebih mendalam sebelum mengutarakan persoalan kerana ia boleh mempengaruhi orang lain.

## Jangan ikut telunjuk pembangkang

“Bagus jika mereka (mahasiswa) jadi kritikal tetapi jangan mengikut telunjuk pembangkang yang sentiasa memutarbelitkan fakta,” katanya.

Razali mengulas insiden pertikaman lidah antara Pengerusi Suara Wanita 1Malaysia (SW1M), Sharifah Zohra Jabeen Syed Shah Miskin dengan pelajar undang-undang Universiti Utara Malaysia (UUM), KS Bawani baru-baru ini, malah klip video sepanjang 24 minit itu menjadi topik hangat di laman blog.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, 27,000 daripada keseluruhan 200,000 mahasiswa yang layak mengundi pada Pilihan Raya Umum akan datang sudah menyertai UMNO.